

24/01/1998

Tingkat aktiviti ekonomi domestik

Rasid Rahaman

SHAH ALAM, Jumaat - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta semua kerajaan negeri terus meningkatkan aktiviti ekonomi domestik, terutama membabitkan sektor pertanian dan pelancongan bagi membantu menangani masalah ekonomi negara.

Beliau yakin jika semua kerajaan negeri melaksanakan langkah itu, kegawatan ekonomi yang dihadapi negara sekarang, dapat diatasi.

"Selain menekankan aspek itu, kerajaan negeri wajar memastikan pengurusan kerajaan lebih cekap dan teliti.

"Kesedaran rakyat juga perlu diberi perhatian oleh pemimpin Umno peringkat negeri dan jangan dianggap remeh sehingga rakyat tidak diberitahu, kerana ini boleh menyebabkan keadaan ekonomi semakin gawat.

"Adalah lebih baik kita memberi penjelasan punca masalah ekonomi yang dihadapi kepada rakyat supaya masalah itu dapat ditangani sebaik mungkin," katanya pada majlis berbuka puasa di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati di sini, malam ini.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Hamid Othman; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed; dan pemimpin peringkat negeri Selangor.

Anwar juga mengalu-alukan tindakan Abu Hassan yang sudah bertindak langkah mengikut garis panduan ditetapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad termasuk langkah yang diambil oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC).

"Langkah yang diumumkan ini penting kerana ia tidak akan memberi kesan jika pelaksanaannya tidak menyeluruh.

"Kita tidak akan berupaya menangani masalah ekonomi jika seluruh jentera kerajaan, parti dan rakyat tidak digembleng bagi menyelesaikannya sebaik mungkin," katanya.

Menurutnya, kegawatan ekonomi ini agak hebat, dengan tempas negara jiran nampaknya memberikan satu tamparan agak sengit dan dahsyat daripada yang pernah diduga.

Beliau berkata, negara jiran seperti Thailand dan Indonesia sekurang-kurangnya sudah menyerah kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan terikat dengan keputusan serta dasar yang diputuskan oleh tabung itu.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini belum nampak petanda positif, walaupun perkembangan di Korea dan Thailand lebih menggalakkan beberapa hari lalu, sementara perkembangan di Indonesia masih dianggap tenat.

(END)